



**Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
PULAU PINANG**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

**PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 4  
TAHUN 2019 : MENERIMA PAKAI KESELURUHAN PEKELILING  
PERBENDAHARAAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Ketua-Ketua Jabatan mengenai pindaan kepada garis panduan yang telah disediakan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2019.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat edaran mengenai pemakaian keseluruhan versi Pekeliling Perbendaharaan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 telah diedarkan kepada semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri melalui surat Jabatan Kewangan Negeri rujukan: JKNPP/(S)05/09/1 Jld.2 (18) bertarikh 20 Disember 2019.
- 2.2 Pemakaian keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan yang dimaksudkan ini turut melibatkan semua perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang diberi peruntukan/pembentukan Kerajaan Negeri, tidak kira agensi mana yang melaksanakannya, kecuali Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) kewangan dan perolehan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah masing-masing.
- 2.3 Bagi mematuhi urusan berkaitan perolehan Kerajaan, amalan tadbir urus yang baik hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi 5 prinsip asas perolehan iaitu akauntabiliti awam; diurus secara telus; nilai faedah terbaik; saingen terbuka serta adil dan saksama. Setiap perolehan juga perlu dirancang dengan teliti di awal tahun agar pelaksanaannya teratur dan memberikan pulangan nilai kepada Kerajaan.

### **3. KELULUSAN PERUBAHAN DAN PELANJUTAN KONTRAK BEKALAN SERTA PERKHIDMATAN BAGI PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA**

- 3.1 Pekeliling Perbendaharan PK 4.1 – *Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am* menetapkan bahawa perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan atau perubahan lain bagi perolehan negeri perlu dirujuk dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri.
- 3.2 Walau bagaimanapun selaras dengan pemakaian syarat perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan yang digunakan di peringkat persekutuan, maka Jawatankuasa Sebut Harga di jabatan-jabatan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa untuk mempertimbangkan permohonan perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan serta perkhidmatan bagi perolehan secara sebut harga yang melibatkan peruntukan pemberian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan syarat-syarat seperti berikut;
- a) Dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000;
  - b) Kontrak masih berkuatkuasa semasa pelanjutan tempoh kontrak dipertimbangkan;

- c) Perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melibatkan perubahan kadar harga dan syarat-syarat lain dalam kontrak;
  - d) Pelanjutan tempoh kontrak hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga dua tahun sahaja;
  - e) Bagi kontrak bekalan, tambahan kuantiti tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada nilai maksimum RM250,000 dengan syarat jumlah keseluruhan tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM750,000;
  - f) Bagi kontrak perkhidmatan, nilai tambahan tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada nilai maksimum RM250,000 dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM750,000;
  - g) Semua perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak selain dari yang disebutkan di perenggan 3.2(a) hingga 3.2(f) di atas hendaklah dirujuk kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan.
- 3.3 Bagi perolehan selain daripada yang dinyatakan di atas, **SPKN Bil 4 Tahun 2019** adalah masih terpakai.

**4. KELULUSAN PEROLEHAN PERUNDING BERNILAI KURANG DARIPADA RM50,000.00 MELALUI KADEAH LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING**

4.1 Pekeliling Perbendaharan PK 3.1 – *Perolehan Perunding Secara Am* dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri SPKN 4/2019 menetapkan bahawa had nilai kuasa melulus Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah seperti berikut;

<b>PBM</b>	<b>Had Nilai Kuasa Melulus PBM</b>
Lembaga Perolehan Negeri	a) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta b) Kos kajian sehingga RM5juta c) Kos kerja ukur sehingga RM5juta
Jabatan Kewangan Negeri	a) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta b) Kos kajian melebihi RM5juta c) Kos kerja ukur melebihi RM5juta

4.2 Berdasarkan Perbendaharan PK 3.1 – *Perolehan Perunding Secara Am* dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri SPKN 4/2019 juga, agensi hendaklah memastikan permohonan perolehan perkhidmatan perunding dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Negeri mengikut had nilai kuasa yang telah ditetapkan. Namun begitu, sekiranya keputusan Lembaga Perolehan Negeri adalah tidak sebulat suara, keputusan hendaklah dimuktamadkan di Jabatan Kewangan Negeri. PBM di peringkat yang lebih rendah tidak boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan

perolehan perkhidmatan perunding melebihi had nilai masing-masing yang telah ditetapkan. Manakala PBM di peringkat yang lebih tinggi boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding di bawah had nilai kuasanya.

- 4.3 Walau bagaimanapun selaras dengan keperluan untuk melancarkan lagi proses kelulusan pelantikan perunding, maka Jawatankuasa Perolehan Perunding boleh diwujudkan di jabatan-jabatan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan dan diberi kuasa untuk mempertimbangkan permohonan pelantikan perunding mengikut had nilai kuasa melulus Pihak Berkuasa Melulus (PBM) seperti berikut;

<b>PBM</b>	<b>Had Nilai Kuasa Melulus PBM</b>
Jawatankuasa Perolehan Perunding	a) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM50,000 b) Kos kajian sehingga RM50,000 c) Kos kerja ukur sehingga RM50,000
Lembaga Perolehan Negeri	a) Kos projek pembangunan fizikal RM50,001 sehingga RM300juta b) Kos kajian RM50,001 sehingga RM5juta c) Kos kerja ukur RM50,001 sehingga RM5juta
Jabatan Kewangan Negeri	a) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta b) Kos kajian melebihi RM5juta c) Kos kerja ukur melebihi RM5juta

4.2 Manakala had nilai kaedah perolehan perunding adalah kekal seperti berikut:

<b>Kaedah Perolehan</b>	<b>Had Nilai Perolehan</b>
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	a) Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta b) Kos Kajian sehingga RM500 ribu c) Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu
Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan	a) Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM50 juta b) Kos Kajian melebihi RM500 ribu c) Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu

4.3 Agensi hendaklah memastikan permohonan perolehan perkhidmatan perunding dikemukakan kepada PBM mengikut had nilai kuasa yang telah ditetapkan. Namun begitu, sekiranya keputusan PBM adalah tidak sebulat suara, keputusan hendaklah dimuktamadkan di Jabatan Kewangan Negeri. PBM di peringkat yang lebih rendah tidak boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding melebihi had nilai masing-masing yang telah ditetapkan. Manakala PBM di peringkat yang lebih tinggi boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding di bawah had nilai kuasanya.

- 4.4 Agensi adalah dilarang memecah kecilkan nilai projek bagi mengelakkan daripada melaksanakan pelawaan yang lebih kompetitif. Pematuhan ini adalah selaras dengan hasrat AP 181(a).
- 4.2 Bagi menyeragamkan dan mempercepatkan proses pelantikan perkhidmatan perunding untuk sesuatu projek fizikal, Agensi adalah dinasihati supaya mempelawa perunding-perunding di dalam bidang yang diperlukan (contohnya, Arkitek, Kejuruteraan, Ukur Bahan, atau lain-lain) secara serentak
- 4.3 Syarat Perolehan Perunding;**
- 4.3.1 Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) hendaklah menyenarai pendekkan sekurang-kurangnya tiga (3) firma perunding yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan MOF berserta anggaran kos siling perunding dan diperakukan satu perunding untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus (PBM).
- 4.3.2 Bagi mengelakkan senarai pendek perunding yang sama diperakukan berulang kali, JPP hendaklah memastikan senarai pendek perunding dibuat secara pusingan di kalangan perunding yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan MOF.

4.3.3 Perunding yang disenarai pendek boleh dipilih berdasarkan kriteria berikut;

**a) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan;**

Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup pelawaan.

**b) Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan;**

Berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan yang ditetapkan oleh Agensi.

**c) Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf;**

Tempoh pendaftaran perunding dengan Lembaga Profesional hendaklah masih sah semasa tarikh tutup tender. Semakan boleh dibuat di laman web Lembaga Profesional masing-masing.

**d) Saiz dan keupayaan firma perunding bersesuaian dengan projek/kajian;**

Bilangan kakitangan profesional perunding hendaklah mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian. Boleh rujuk jadual bilangan minima profesional yang disarankan seperti di PK3.1.

**e) Firma Tempatan di negeri projek/kajian;**

Firma mempunyai ibu pejabat/ cawangan di lokaliti projek

**f) Pengalaman firma dalam melaksanakan projek/kajian;**

Bilangan dan jumlah nilai kerja bagi projek/kajian seumpama dan umum yang pernah dilaksanakan oleh firma; dan

**g) Prestasi firma perunding;**

- i. Perunding mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik bagi projek/kajian Kerajaan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada berdasarkan pengalaman Agensi Pelaksana/Agensi Pelanggan/ Agensi lain;
- ii. Perunding bebas daripada tindakan tatatertib oleh Kementerian Kewangan (boleh disemak di profail syarikat melalui Sistem ePerolehan) dan Lembaga Profesional (boleh disemak melalui laman web Lembaga Profesional masing-masing);
- iii. Perunding tidak digulungkan; dan
- iv. Firma/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah tidak disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia.

**h) Beban Kerja**

Bilangan dan jumlah nilai kerja dalam tangan perunding pada ketika pelawaan dibuat.

**i) Belum Dilantik Dalam Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini;**

Agensi hendaklah melaksanakan sistem pusingan bagi proses senarai pendek perunding untuk kaedah perolehan ini. Perunding yang belum dilantik lagi oleh Agensi dalam tempoh tiga (3) tahun terkini boleh disenarai pendekkan tertakluk perunding tersebut adalah berkemampuan, bebas daripada tindakan tatatertib dan tidak mempunyai rekod prestasi yang tidak memuaskan.

**j) Kriteria lain yang bersesuaian.**

**4.4 Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi;**

**4.4.1 Penubuhan Dan Keahlian Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi;**

- a) Pegawai Kewangan Negeri hendaklah melantik semua ahli Jawatankuasa Perolehan Perunding secara bertulis bagi Jabatan-jabatan Negeri.
- b) Pegawai Pengawal atau Pegawai Kewangan Negeri boleh melantik Pemegang Waran Peruntukan atau mana-mana pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebagai Pengerusi.

- c) Keahlian jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai di mana seorang daripadanya hendaklah pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- d) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Perolehan Perunding hendaklah dilantik atas nama jawatan secara tahunan/dua tahun sekali.
- e) Ketua Jabatan boleh melantik secara bertulis pegawai lain sekiranya Jabatan tidak mempunyai pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi melaksanakan tugas tersebut.
- f) Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi.

#### **4.5 Tanggungjawab Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi:**

- a) Memilih dan mempertimbangkan pelantikan perkhidmatan perunding (termasuk kos/kos siling perkhidmatan) tertakluk kepada had kuasa yang dibenarkan;
- b) Menyemak dan memperakukan semua permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding atau kos tambahan bagi yang perlu dibawa kepada pertimbangan dan kelulusan di peringkat Jabatan Kewangan Negeri;

- c) Membuat keputusan perolehan perkhidmatan perunding secara bermesyuarat. Keputusan secara edaran adalah tidak dibenarkan;
- d) Memastikan semua permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding atau kos tambahan sebelum dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat PBM, telah disemak dan diperakukan oleh JPP terlebih dahulu;
- e) Memastikan Ahli JPP dan PBM terdiri daripada pegawai yang berbeza;
- f) Memastikan tempoh sah laku tawaran firma masih berkuat kuasa sebelum keputusan pelantikan dibuat. Sebarang pelanjutan tempoh sah laku tawaran firma boleh diperolehi daripada Pengerusi Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi;
- g) Memastikan peruntukan mencukupi dan tidak melebihi kos siling sebelum keputusan dibuat;
- h) Mempertimbangkan perubahan skop perkhidmatan perunding yang tidak melibatkan perubahan kos;
- i) Mempertimbangkan pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding yang tidak melibatkan perubahan kos tertakluk kontrak masih berkuat kuasa. Pemakaian AP201.1 adalah dikecualikan untuk perolehan perunding ;

- j) Sekiranya dalam membuat keputusan pemilihan perunding terdapat kekurangan maklumat penting dan maklumat tersebut tidak dapat diperolehi dengan segera serta kekurangan maklumat tersebut boleh menjelaskan keputusan yang dibuat, PBM berhak menangguhkan mesyuarat pada hari tersebut dan membenarkan Agensi menghubungi perunding untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan;
- k) Memastikan JPP mengemukakan perakuan menggunakan format perakuan yang telah ditetapkan. Format yang ditetapkan mengandungi maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan bertujuan membantu PBM membuat keputusan;
- l) Memastikan urus setia PBM menyediakan kertas keputusan PBM dengan menggunakan format keputusan yang telah ditetapkan. Format tersebut telah ditetapkan untuk memudahkan audit atau siasatan dilaksanakan; dan
- m) Mengarahkan agar Agensi melaksanakan semula proses perolehan perkhidmatan perunding jika didapati terdapat sebarang ketidakpatuhan ke atas prinsip atau peraturan yang sedang berkuatkuasa.

#### **4.6 Tanggungjawab tambahan Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi:**

- a) Mempertimbang dan meluluskan pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding dan/atau tambahan kos perunding tertakluk kepada syarat berikut (AP201.1 adalah dikecualikan):

- i. tambahan kos sehingga maksimum 100% daripada kos asal perunding yang telah diluluskan oleh Jabatan Kewangan Negeri disebabkan oleh perubahan skop asal;
- ii. tambahan kos tanpa had nilai yang disebabkan *Variation Order* (VO) dan *Extension Of Time* (EOT) dalam kontrak dengan pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah memastikan pertimbangan dan kelulusan yang dibuat hendaklah selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam PK2.3;
- iii. Semua pertimbangan hendaklah dibuat semasa perjanjian perunding masih berkuat kuasa; dan
- iv. Sekiranya Agensi mengemukakan pelanjutan tempoh kontrak dan/atau permohonan tambahan kos kepada Jawatankuasa Perolehan Perunding setelah perjanjian perunding tamat, Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa tanpa had nilai untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang keputusan yang dibuat. Pegawai Pengawal mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan menentukan kaedah-kaedah bayaran seperti kaedah bayaran melalui Arahan Perbendaharaan (AP59) atau lain-lain terutamanya bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh perunding dalam tempoh perjanjian telah tamat dan tanpa sebarang kelulusan pelanjutan oleh Jawatankuasa Perolehan

Perunding diperolehi terlebih dahulu. Amaran juga hendaklah dikeluarkan kepada Agensi atau pegawai Kerajaan yang terlibat bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam projek/kajian Kerajaan yang lain. Keputusan yang dibuat hendaklah juga disalinkan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang asal sebagai makluman.

- b) Mempertimbang dan meluluskan permohonan bayaran *abortive fees* perunding bagi Surat Setuju Terima/perjanjian perunding yang telah ditandatangani melalui perakuan JPP. Manakala bagi permohonan bayaran *abortive fees* perunding yang tiada Surat Setuju Terima hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan Jabatan Kewangan Negeri melalui perakuan JPP dan Jawatankuasa Perolehan Perunding Agensi.

## **5. PENGECUALIAN DARIPADA PELAKSANAAN KAEDAH PEROLEHAN YANG DITETAPKAN**

- 5.1 Pengecualian daripada pelaksanaan kaedah perolehan yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali bagi kes-kes kecemasan di mana kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- 5.2 Surat pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali bersama Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4/2019 dan Pekeliling Perbendaharaan.

## 6. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Kewangan Negeri ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2022**.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. MOHAMAD FARAZI BIN JOHARI)**

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

Tarikh: 23 Mei 2022

**Salinan Kepada:**

1. YAB Ketua Menteri

Pulau Pinang

2. YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pulau Pinang